



PERDANA Menteri, Datuk Hussein Onn (kanan) dan bakal penggantinya, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berbincang sesuatu dituruti senyum dan ketawa, manakala seorang Ahli Majlis Tertinggi, Datuk Mokhtar Hashim (tengah) turut senyum. — Gambar Berita Harian.

'K-tangan angkuh tak boleh dibiar'

## Gesa ambil tindakan pegawai2 nyeleweng

KERAJAAN hari ini digesa bertindak tegas terhadap para pegawai dan kakitangannya yang nyelewengkan matlamat pembangunan negara.

Seorang wakil Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Puan Latiffah Abdul Ghafar ketika menggesa berharap kerajaan akan bertindak ke atas para pegawai yang bersikap angkuh dan tidak mempedulikan hasrat dan aspirasi rakyat semasa menjalankan tugas mereka.

Beliau menyatakan demikian ketika membentangkan usul pergerakan itu yang antara lain mahu para pegawai kerajaan diorientasikan supaya memahami dasar-dasar kerajaan.

Puan Latiffah berkata, sikap angkuh dan penyelewengan oleh para pegawai kerajaan tidak boleh dibiarkan berterusan kerana ia boleh menjejaskan rancangan-rancangan kerajaan.

### Contoh

Beliau juga merayu kerajaan supaya bertindak segera mengatasi kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan.

Kelemahan-kelemahan tersebut termasuklah kurangnya penyelarasan antara pusat, negeri dan daerah serta kelambatan dalam melaksanakan keputusan.

### KUALA LUMPUR Ahad

Sebagai contoh, beliau menyebut kelambatan di peringkat negeri dalam meluluskan permohonan-permohonan tukar syarat tanah yang dikemukakan oleh pihak para pemaaju.

Beliau mendakwa akibat kelambatan ini, banyak pemaaju perumahan telah mengalami kerugian kewangan kerana tidak dapat melaksanakan projek-projek mereka.

Menyokong usul tersebut, wakil Negeri Kelantan, Encik Ahmad Shahabudin Mohamad Noh, menyebut tentang adanya pegawai-pegawai kerajaan yang sengaja mahu menggagalkan usaha kerajaan hendak meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang ekonomi.

Sebagai contoh, beliau menyebut perbuatan setengah-setengah pegawai kerajaan yang sengaja melantik kontraktor Bumiputera yang tidak mampu untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan yang besar.

Akibat tindakan itu, projek tersebut gagal dilaksana dan dengan kegagalan ini, pegawai-pegawai berkenaan telah berjaya menunjukkan bahawa Bumiputera memang tidak mampu menjalankan sebarang projek.

Beliau mahu kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap para

pegawai yang bersikap demikian kerana kalau dibiarkan, usaha dan hasrat kerajaan tidak akan tercapai sepenuhnya.

Wakil Pulau Pinang, Encik Ahmad Radzi Pachee, pula menyebut tentang sikap setengah-setengah pegawai yang hanya mahu bekerja jika dijamin dengan jaminan kenaikan pangkat.

Menurutnya, ada juga pegawai dan kakitangan yang tidak mahu bekerja dengan penuh dedikasi atas alasan kononnya mereka dianak-tirikan.

Para pegawai ini, katanya, menabur fitnah sedemikian walaupun mereka sendiri menikmati segala kemudahan dan hak sebagai rakyat negara ini.

### Tak mampu

Beliau juga menegur sikap setengah-setengah pegawai yang suka membidas kerajaan dan pucuk pimpinan negara atas isu-isu politik.

Kepada golongan ini, beliau menyarankan mereka supaya bersikap Dewar yang mengagalkan jawatan kerajaan jika mahu berpoltik.

Wakil Negeri Johor, Puan Sabariah Ahmad mengadu kononnya ramai anak-anak UMNO tidak dipilih untuk memenuhi berbagai jawatan di bawah Operasi Isi Penuh Kerajaan.

Beliau lalu mencadangkan supaya kedua-dua Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam disusun semula agar konsep parti menguasai kerajaan dapat benar-benar dilaksanakan.

Bagi penyusunan semula SPA, beliau berkata, beberapa orang tokoh UMNO patut dilantik menganggotainya bagi memastikan ia benar-benar memenuhi hasrat dan aspirasi rakyat.

Puan Sabariah bagaimanapun mengakui SPA merupakan sebuah badan bebas tetapi UMNO, sebagai parti yang menguasai kerajaan, boleh menentukan dasar dan keputusan sedemikian.

Wakil Negeri Melaka, Encik Abdul Razak Alias, menggesa kerajaan supaya memperbaiki jentera pentadbiran secepat mungkin agar matlamat pembangunan negara di bawah Rancangan Malaysia Keempat dapat dicapai.

Katanya, kelicinan pentadbiran adalah kunci kejayaan rancangan pembangunan negara yang dirancang untuk memberi faedah kepada semua.

Beliau berharap kerajaan di bawah pentadbiran baru yang dipimpin oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dapat memperbaiki lagi inegnya dengan meningkatkan prestasi jabatan-jabatan dan agensi kerajaan.

Wakil itu juga berharap, kecehan yang sering kali dialami oleh rakyat ketika berurusan dengan jabatan-jabatan kerajaan dapat diatasi segera untuk mengekalkan kepercayaan rakyat terhadap pihak pemerintah.

Katanya, ada ura-ura pilihanraya kebangsaan diadakan tidak lama lagi dan jika perkara-perkara yang menjadi titik-bengkok kepada orang-ramai tidak diatasi, kedudukan kerajaan dan parti sudah pasti terjejas.

Beliau juga kesal kerana adanya segolongan rakyat di negara ini yang melawat Singapura suka membanding-bandingkan kebaikan pemerintahan negara jiran itu dengan negara sendiri.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia